

**Jangan percaya tiga janji palsu pembangkang
Utusan Online
12 April, 2012**

KUALA LUMPUR 11 April - Rakyat dinasihatkan tidak mudah terpengaruh dengan tiga janji palsu yang ditaburkan pembangkang dalam usaha mengejar angan-angan memerintah negara.

Bekas pengasas Parti Keadilan Rakyat (PKR), Ng Lum Yong berkata, tiga janji berkenaan iaitu menghapuskan kutipan tol, gaji minimum RM4,000 sebulan dan memansuhkan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pasti tidak ditunaikan sekiranya pembangkang berkuasa.

Menurutnya, pembangkang seharusnya mendapatkan pandangan pakar-pakar ekonomi yang berwibawa sebelum melontarkan ketiga-tiga janji kosong itu kepada rakyat.

"Malah pembangkang sepatutnya menunaikan segala janji di Selangor, Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan terlebih dahulu.

"Saya percaya sebahagian besar rakyat semakin bosan dengan sikap pembangkang yang suka berdolak-dalik apabila gagal memenuhi janji di empat negeri tersebut," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai, baru-baru ini yang menjangkakan negara akan muflis dalam tempoh dua tahun sekiranya pembangkang memerintah dan menunaikan tiga janji berkenaan.

Dalam pada itu, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Idris Haron berkata, pemimpin pembangkang hanya ingin mencari publisiti murahan bagi meningkatkan populariti menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13.

"Jangan percaya dengan segala kata-kata yang diucapkan manusia lidah bercabang itu (pemimpin pembangkang)," katanya.

Beliau menambah, tiga janji berkenaan dianggap tidak munasabah malah tidak disokong sebarang fakta atau statistik secara terperinci.

Sementara itu, veteran UMNO, Tan Sri Sabbaruddin Chik berkata, ketiga-tiga janji pembangkang tersebut adalah tidak praktikal dari sudut ekonomi malah boleh menjejaskan kelancaran pentadbiran negara.

Beliau yang juga bekas Setiausaha Agung UMNO menyifatkan janji memansuhkan kutipan tol dan pinjaman PTPTN sebagai mengambil hak orang lain.

"Kalau kita pinjam duit orang lain, mesti bayar semula. Syarikat konsesi lebuhraya juga perlu mengutip tol untuk menampung kos pembiayaan projek dan kos operasi serta penyelenggaraan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0412&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm